

# **Kita sedia hadapi segala cabaran: PM**

KUALA LUMPUR, Khamis — Umno (baru) akan terus menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan untuk menjadi sebuah parti yang kuat bagi memimpin negara, kata Presiden Umno (baru) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita bersedia dan sanggup menghadapi segala cabaran daripada orang lain," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Menara Dato Onn di sini malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan jawatan-kuasa penaja Umno baru berhasrat membuat kebaikan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Menurutnya tindakan mahkamah yang diambil oleh beberapa pihak tertentu tidak menjejaskan usaha Umno (baru) untuk memulihkan Umno serta meneruskan perjuangan untuk mencapai cita-cita ahlinya.

"Kita berpendapat memang sesiapa pun tidak berhak menghalang kita mengambil ahli bagi Umno (baru)," tegasnya.

Beliau berkata dengan keputusan Mahkamah Tinggi bahawa Umno (baru) boleh meneruskan kegiatan mendaftar ahli-ahlinya, usaha parti itu akan diteruskan.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin pihak yang mengambil tindakan mahkamah tidak akan bosan meneruskan tindakan mereka itu untuk menghalang usaha Umno (baru).

## **Mahkamah**

"Kita sanggup menghadapi segala cabaran dan perbuatan orang yang berniat tidak baik," katanya.

Beliau menjelaskan jika pihak tertentu itu benar-benar sayangkan Umno mereka sudah pasti tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap Umno lama.

Menurutnya Umno mempunyai peraturan dan saluran yang cukup bagi ahli-ahlinya menyelesaikan masalah parti.

"Orang yang membelakangkan parti sebenarnya tidak berhak menjadi ahli," tegasnya.

Mengenai tindakan yang boleh diambil ke atas ahli yang bertindak demikian, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan terpulanglah kepada MT metuskannya mengikut keadaan ketika itu.

Menurutnya ada pihak begitu pandai mengatasi masalah parti dengan mendakwa Umno tidak sah dan hanya merujuk kepada mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian.

"Terpulanglah kepada rakyat untuk percaya atau tidak dakwaan pihak berkenaan," katanya.